



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA (DR.) HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)

TARIKH: 30 APRIL 2021 (JUMAAT), JAM 10.55 PAGI
DI AUDITORIUM IBN KHALDUN,
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya,
Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.**

Kehadapan Yang Dikasihi;

Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali
bin Mohd Rustam,

Yang di-Pertua Negeri Melaka,

Yang Amat Berbahagia,
Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Ab.
Rahman.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana menganugerahkan rahmat yang berpanjangan kepada Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Ab.

Rahman, sempena meraikan pelantikan Tuan Yang Terutama Tun, sebagai Canselor Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).

2. Bagi pihak seluruh warga Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka dan rakyat jelata, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pemasyhuran Tuan Yang Terutama, Tun sebagai Canselor Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) yang telah disempurnakan sebentar tadi.

3. Sesungguhnya, seluruh warga KUIM dan rakyat Melaka amat berbangga di atas pelantikan Tuan Yang Terutama Tun sebagai Canselor KUIM. Bagi meneruskan kesinambungan tradisi sepertimana kolej universiti lain di dunia ini, pemasyhuran Tuan Yang Terutama Tun dengan ini secara rasminya, memberi kuasa kepada Tun mempengerusikan konvokesyen, melaksanakan apa-apa kewajipan sepertimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

4. Saya dan seluruh rakyat berdoa semoga Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan seisi keluarga dilimpahi rahmat, mendapat maghfirah, diberkati usia, sihat tubuh badan dan dimurahkan rezeki untuk terus memayungi negeri dan rakyat Melaka tercinta.

5. Tuan Yang Terutama Tun, seterusnya izinkan saya menyampaikan sepatah dua kata kepada dif-dif jemputan serta para hadirin di majlis ini.

Terima kasih Pengacara Majlis;

(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)

ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR KUIM

6. Sebelum saya meneruskan ucapan ini, marilah kita mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama hadir di suatu majlis yang amat bermakna lagi bersejarah sempena meraikan pelantikan Tuan Yang Terutama Tun, sebagai Canselor KUIM.

7. Istiadat pemasyhuran ini bertujuan untuk menzahirkan pelantikan Tuan Yang Terutama Tun sebagai Canselor Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Ia satu peristiwa yang akan terpahat dalam lembaran sejarah pendidikan Negeri Melaka untuk dikenang selama-lamanya.
8. Pemilihan Tuan Yang Terutama Tun sebagai Canselor KUIM adalah sangat tepat kerana jika dilihat pada latar belakang pendidikan Tuan Yang Terutama, ternyata Tun merupakan seorang yang amat mementingkan nilai pendidikan.

9. Saya dan seluruh rakyat jelata percaya dengan kebijaksanaan Tun mampu membawa KUIM menjadi sebuah kolej universiti yang tersohor, khususnya dari segi kualiti graduan yang terhasil serta perkhidmatan yang disediakan, baik di dalam mahupun di luar negara selain aspek governan, akademik, dan juga penyelidikan.

10. Saya yakin, Tuan Yang Terutama Tun sentiasa cakna dan sedia maklum dengan sejarah dan kemajuan KUIM sejak awal penubuhannya lagi, memandangkan Tuan Yang Terutama Tun pernah memegang tampuk pimpinan sebagai Canselor KUIM sebelum ini. Lantaran itu, hubungan yang terjalin antara Tuan Yang Terutama Tun dan KUIM bukanlah sesuatu yang asing lagi.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

11. Saya optimis bahawa pemasyhuran Tuan Yang Terutama Tun membawa makna yang besar kepada KUIM dan juga Kerajaan Negeri Melaka, selain meyakini bahawa KUIM akan terus maju berkembang di bawah naungan Tuan Yang Terutama Tun bagi mencapai segala matlamat yang telah digagaskan.

12. Selain itu, dengan berteraskan falsafah, misi, visi dan moto, KUIM mampu muncul sebagai sebuah universiti yang mengutamakan kualiti dan kecemerlangan pendidikan serta berupaya menyerlahkan keunggulan dan keunikan tersendiri dengan penerapan nilai Islam sebagai elemen utama.

13. Bukan itu sahaja, sejajar dengan Flagship ke-7 di bawah Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) iaitu hasrat untuk menjadikan **MELAKA SEBAGAI HAB PENDIDIKAN** yang tersohor pasti akan tercapai di bawah naungan Tuan Yang Terutama Tun, sekali gus menjadikan Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PENUTUP

14. Sebelum mengakhiri ucapan pada istiadat pemasyhuran ini, saya sekali lagi dengan penuh keikhlasan ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh warga KUIM serta barisan jawatankuasa yang telah berusaha memberikan komitmen sepanjang istiadat ini berlangsung.

15. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan istiadat ini.

16. Terima kasih juga diucapkan kepada para hadirin kerana telah hadir dan memeriahkan lagi istiadat pemasyhuran ini. Doa saya, semoga KUIM maju ke hadapan dan terus melebarluaskan sayapnya di bawah pimpinan Tuan Yang Terutama Tun.

Tuan Yang Terutama Tun, demikianlah ucapan saya kepada hadirin dan hadirat sekalian.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

-TAMAT-